

Nikmat **keampunan** daripada Ilahi

■ Rebut peluang pada Ramadan untuk hapus dosa lalu

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

RAMADAN adalah bulan yang penuh dengan keberkatan Ilahi. Pada bulan ini Allah SWT meluaskan pelbagai nikmat dan ganjaran istimewa kepada sesiapa saja daripada kalangan hamba-Nya yang beriman dan melakukan kebaikan.

Pada bulan ini juga Allah membuka pintu keampunan-Nya tanpa had dan sempadan, malah tanpa mengira siang ataupun malam.

Sesiapa berusaha mendapatkan keampunan daripada-Nya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh, pasti akan memperolehnya.

Hakikatnya, tiada seorang pun daripada kita yang terlepas daripada melakukan sebarang kesilapan dan dosa. Maka peluang menemui Ramadan ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin demi meraih keampunan daripada-Nya.

Ibadat puasa yang menjadi ibadat utama pada bulan Ramadan menjanjikan keampunan daripada Allah. Namun, ia mesti dilakukan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak.

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kerana iman dan mengharap pahalanya daripada Allah, maka dosanya yang lalu akan diampuni." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Tiada nikmat yang besar selain memperoleh keampunan daripada Allah pada saat

kita semua tidak terlepas daripada melakukan dosa sepanjang hidup ini. Bagaimana nasib kita di akhirat nanti sekiranya kita gagal memperoleh keampunan daripada-Nya?

Kitalah insan yang paling rugi tatkala Allah meluaskan keampunan-Nya, namun kita tidak berusaha untuk mendapatkannya.

Dalam kitab Lataif

al-Ma'arif karangan Ibnu Rajab al-Hambali, dinukilkan bahawa Qatadah mengatakan: "Sesiapa saja yang tidak diampuni oleh Allah pada bulan Ramadan, maka pada hari lain dia pun akan sukar diampuni."

Ibnu Rajab pula mengatakan: "Tatkala semakin banyak pengampunan dosa pada bulan Ramadan, maka sesiapa saja

yang tidak mendapat pengampunan berkenaan, sesungguhnya dia terhalang daripada mendapat kebaikan yang banyak."

Justeru, kita perlu bertekad untuk berusaha melakukan sebanyak mungkin amal kebajikan. Kita berusaha untuk tidak melepaskan peluang dalam menunaikan ibadat yang sunat, apatah lagi ibadat yang diwajibkan ke atas setiap Muslim.

Cuba kita perhatikan betapa banyaknya peluang untuk kita melakukan amal ibadat pada Ramadan.

Tidak hanya dengan solat,



AMBILLAH peluang untuk mendapat keampunan pada Ramadan.

#buatbaik




Fadilat Ramadan
Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Puasa adalah perisai dari api neraka sebagaimana perisai seorang daripada kamu dalam perang." (Riwayat Ibnu Majah)

4G
Data lebih lancar dengan inovasi 4G LTE

f altel @myaltel @myaltel altel.my

puasa dan zakat yang fardu, kita juga dianjurkan untuk melakukan amalan sunat seperti solat Tarawih, tadarus al-Quran, sedekah, menjamu orang lain ketika bersahur, berbuka puasa dan banyak lagi.

Semuanya adalah ibadat yang mampu dilakukan oleh setiap Muslim. Cuma persoalannya, adakah kita berusaha untuk melakukannya?

Dalam suasana semua orang melakukan kebaikan pada Ramadan, amat wajar kita bertekad untuk turut melakukan kebaikan. Kita perlu rasa ada sesuatu kekurangan dalam diri sekiranya di saat orang lain melakukan kebaikan, namun kita tidak melakukannya.

Suasana berlumba-lumba melakukan kebaikan perlu dihidupkan agar semua orang mendapat keampunan daripada Allah.

Firman-Nya bermaksud: "...berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap

akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan), sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Surah al-Baqarah, ayat 148)

Selain itu, perlu menjadi ingatan bersama bahawa apa-apa juga amal kebajikan yang dilakukan, ia perlu diniatkan hanya kerana Allah, bukan kerana ganjaran dan tawaran daripada manusia.

Kita juga dilarang mere-mehkan amal kebaikan yang pada mata kasar kita, mungkin ia adalah amalan kecil.

Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: "Janganlah mere-mehkan kebaikan walaupun hanya berbicara kepada saudaramu dengan wajah yang tersenyum kepadanya. Amalan itu adalah sebahagian daripada kebajikan." (Riwayat Abu Dawud dan at-Tirmidzi)

Penulis ialah pensyarah
Universiti Sultan Zainal
Abidin (UniZA)